

**KORELASI STRATEGI DENGAN MOTIVASI
DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**
*(THE CORRELATION BETWEEN LANGUAGE
LEARNING STRATEGIES AND MOTIVATION
IN ARABIC LANGUAGE LEARNING)*

Kamarul Shukri Mat Teh

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Darul Iman Malaysia
Jalan Sultan Mahmud, 20400
Kuala Terengganu, Terengganu
E-mel: kamarul@udm.edu.my

Mohamed Amin Embi

Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
E-mel: m.amin@ukm.my

Abstrak: Beberapa kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB) dengan Motivasi Pembelajaran Bahasa (Oxford & Nyikos, 1989; Ehrman, 1990; Macaro, 2001). Kertas ini memerihalkan satu kajian yang direka bentuk untuk mengkaji korelasi di antara SPB dengan Motivasi Pembelajaran Bahasa Arab. Data kajian dikumpul dengan menggunakan soal selidik sendiri yang diubah suai daripada Strategy Inventory for Language Learning (SILL) (Oxford, 1990) dengan tambahan satu konstruk baru, dan soal selidik motivasi daripada *Affective Survey* (Ehrman & Oxford, 1991). Seramai 457 orang pelajar Tingkatan empat yang dipilih secara rawak daripada 13 buah sekolah menengah agama di Terengganu terlibat dengan kajian ini. Ujian statistik Pearson digunakan bagi menjawab soalan kajian dan menguji hipotesis berkaitan. Hasil kajian menunjukkan terdapat korelasi positif yang tinggi di antara SPB secara keseluruhan dengan Motivasi Pembelajaran Bahasa secara keseluruhan. Korelasi bermagnitud positif yang signifikan di antara penggunaan kategori SPB dengan kategori Motivasi Pembelajaran Bahasa turut dapat dikesan. Pelajar yang bermotivasi tinggi lebih kerap dan banyak menggunakan SPB berbanding pelajar yang bermotivasi rendah.

Kata kunci: strategi pembelajaran bahasa, motivasi pembelajaran bahasa, bahasa Arab

Abstract: Studies have indicated that there are significant correlation between Language Learning Strategies (LLS) and Language Learning Motivation (Oxford & Nyikos, 1989; Ehrman 1990; Macaro, 2001). This paper describes a study designed to explicate the correlation between language learning strategies and language learning motivation among Arabic students. Data for the study were collected using self-report questionnaires adapted and modified from, Strategy Inventory for Language Learning (SILL) (Oxford, 1990) and the Language Learning Motivation section of the *Affective Survey* (Ehrman &

Oxford, 1991). The subjects comprised of 457 Form 4 students from 13 religious secondary schools in Terengganu. The Pearson correlation test was used to answer the research questions. The results indicate that there is a strong positive correlation between overall LLS and overall language learning motivation. The students with high motivation employed language learning strategies more frequently than less motivated students.

Keywords: language learning strategies, language learning motivation, Arabic language

PENDAHULUAN

Suatu pemerhatian biasa dalam pembelajaran bahasa adalah terdapat sebilangan pelajar yang sentiasa berjaya berbanding pelajar lain. Kejayaan ini boleh dilihat dalam pelbagai bentuk. Contohnya, kemajuan mereka adalah cepat, mudah menguasai perkataan atau ayat baru, atau sering mencapai keputusan yang cemerlang dalam ujian bahasa. Di samping kebolehan semulajadi, terdapat beberapa faktor yang boleh menjelaskan fenomena ini. Antara faktor tersebut ialah penggunaan strategi pembelajaran bahasa (Chamot, 1993; Dreyer & Oxford, 1996) dan motivasi pembelajaran bahasa (Dornyei, 1990; Nunan, 1999).

LATAR BELAKANG

Strategi pembelajaran bahasa (SPB) ialah langkah atau tindakan khusus yang diambil oleh pelajar untuk memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pemerolehan semula dan penggunaan maklumat (Rigney, 1978) sehingga menjadikan pembelajaran lebih mudah, cepat, menyeronokkan, sendiri, efektif, dan senang dipindahkan ke suasana baru (Oxford, 1990). Ia melibatkan prosedur mental dan komunikatif untuk mempelajari dan menggunakan bahasa (Nunan, 1999) dalam kerangka mempertingkatkan pencapaian dan penguasaan bahasa sasaran (Mohamed Amin, 2000).

Kebanyakan penyelidik pembelajaran bahasa kedua (mis. Stern, 1983; Oxford, 1990; Ellis, 1994; Nunan, 1999) berpandangan bahawa strategi pembelajaran bahasa merupakan elemen yang sangat penting dan berperanan besar dalam memahami proses dan cara bagaimana bahasa kedua/asing dipelajari. Ellis (1994) telah menjadikan strategi pembelajaran sebagai salah satu elemen utama dalam kerangka kerjanya ketika mengkaji proses perolehan bahasa kedua. Stern (1983) pula telah mengemukakan lima kelompok pemboleh ubah dalam model pembelajaran bahasa keduanya: konteks sosial, ciri-ciri pelajar, suasana pembelajaran, proses pembelajaran dan hasil pembelajaran. Beliau telah mengenal pasti SPB sebagai suatu operasi mental yang sangat penting dalam proses pembelajaran. Tarone (1980) dan McLaughlin (1987) telah membina model pemerolehan bahasa kedua mereka yang terdiri daripada tiga faktor

strategi: Pembelajaran bahasa, penghasilan dan komunikasi. Kesemua ini mengesahkan bahawa SPB merupakan domain yang penting dan tidak boleh dipinggirkan daripada bidang pembelajaran atau pemerolehan bahasa.

Beberapa kajian mengenai hubungan SPB dengan penguasaan bahasa menunjukkan strategi pembelajaran memberi kesan positif ke atas prestasi bahasa. Pelajar cemerlang menggunakan pelbagai strategi (Oxford & Burry-Stock, 1995; Oxford, 2001) dan mengkoordinasi penggunaan strategi secara lebih efektif berbanding pelajar lemah bahasa (Vann & Abraham, 1990). Ia berpotensi untuk menjadi alat pembelajaran yang sangat berkuasa (O'Malley et al., 1985). Lantaran itu, SPB perlu diberi perhatian dan dibudayakan dalam kalangan pelajar bahasa bagi mempertingkatkan pencapaian, penguasaan dan kemahiran berbahasa mereka secara mudah dan berkesan.

Secara umumnya, motivasi pula boleh didefinisikan sebagai usaha yang dilakukan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa kedua hasil daripada keperluan dan keinginan untuk mempelajarinya (Ellis, 1994). Gardner (1985) ketika mendefinisikan motivasi menurut konteks pembelajaran bahasa kedua menyatakannya sebagai tahap di mana seseorang bekerja dan berusaha untuk mempelajari bahasa kerana keinginannya untuk melakukan demikian dan pengalaman merasakan kepuasan ketika menjalankan aktiviti tersebut. Beliau telah mengemukakan tiga komponen utama di dalam definisinya: Tumpuan usaha, keinginan untuk belajar, dan kepuasan dengan tugas yang merupakan unsur-unsur penting dalam menilai tahap dan kekuatan motivasi pembelajaran bahasa.

Motivasi dianggap sebagai kunci kejayaan dalam pembelajaran bahasa (Gardner, 1985; Dornyei, 1990; Nunan, 1999). Ia menjadi faktor pemberi tenaga dan momentum kepada pelajar sehingga pembelajaran menjadi lebih aktif dan berkesan. Sekiranya pelajar bermotivasi tinggi, kebarangkalian untuk berjaya adalah amat besar dan begitulah sebaliknya. Pada waktu yang sama, hubungan di antara motivasi pelajar dengan penggunaan SPB yang sesuai lagi ekstensif telah dapat dikesan oleh penyelidik SPB (Oxford & Nyikos, 1989; Ehrman, 1990; Macaro, 2001). Pelajar bermotivasi tinggi secara sedar dan terkawal akan berusaha dan menghabiskan masa mempraktikkan SPB dengan konsisten. Model pengaruh psikologi sosial terhadap penggunaan SPB oleh MacIntyre (1994) turut menunjukkan bahawa motivasi memberi kesan yang besar ke atas pemilihan kombinasi strategi yang bakal digunakan.

Kajian Oxford dan Nyikos (1989) ke atas 1200 pelajar bahasa asing di Amerika Syarikat menunjukkan motivasi merupakan faktor yang paling berkuasa dalam mempengaruhi penggunaan SPB berbanding pemboleh ubah yang lain. Pelajar bermotivasi menggunakan lebih banyak strategi berbanding pelajar kurang

bermotivasi. Pelajar bermotivasi tinggi lebih banyak menggunakan strategi latihan perhubungan peraturan formal (seperti menganalisa perkataan, membandingkan bahasa ibunda dengan sasaran, dan melihat pola bahasa), latihan fungsian (seperti menyertai program dalam bahasa sasaran, dan bercakap kepada diri sendiri dalam bahasa sasaran), pembelajaran umum (seperti mengelak daripada mengingati secara menghafal, dan berusaha dengan tekun), dan pemerolehan input perbualan (seperti meminta diperbetulkan sebutan, dan penumpuan kepada bahasa badan untuk mengumpul maklumat semasa perbualan).

Namun begitu, kajian yang menerangkan tentang faktor strategi dan motivasi pembelajaran bahasa dalam konteks pembelajaran bahasa Arab adalah masih kurang. Justeru, kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat bermanfaat tentang korelasi di antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut dengan berlatarbelakangkan pembelajaran bahasa Arab. Suasana pembelajaran bahasa Arab di Malaysia yang dilingkungi oleh persekitaran yang unik dari segi amalan keagamaan dan budaya setempat, serta kedudukan bahasa Arab yang mulia pada kaca mata pelajar mungkin merupakan petanda awal mengenai bentuk perkaitan antara strategi dengan motivasi pembelajaran bahasa Arab. Fenomena tersebut merupakan antara asas yang mendorong kajian ini dijalankan. Kajian SPB ini juga dijangkakan dapat membantu untuk memperbaiki prestasi penguasaan bahasa Arab (Kamarul Shukri et al., 2008) yang dikatakan semakin menurun (Wan Abrisam, 2002; Saupi, 2003; Nasimah, 2006) dengan memanipulasikan dapatan kajian ini secara teratur dan terancang. Sekali gus, ia menjadikan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia lebih efektif, dinamik, menarik dan semasa.

PERSOALAN

Kajian ini bertujuan untuk menjawab dua persoalan, iaitu:

1. Adakah terdapat perkaitan signifikan di antara penggunaan SPB dengan tahap motivasi pembelajaran bahasa secara keseluruhan dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama semasa mempelajari bahasa Arab?
2. Adakah terdapat perkaitan signifikan di antara penggunaan SPB dengan tahap motivasi pembelajaran bahasa mengikut kategori dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama semasa mempelajari bahasa Arab?

METODOLOGI

Kajian kuantitatif ini dijalankan di sekolah-sekolah menengah agama di Terengganu. Ia melibatkan pelajar Tingkatan Empat di sepuluh buah sekolah menengah agama Terengganu (SMAT) yang ditadbir oleh Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, dan tiga buah sekolah menengah Imtiaz (IMTIAZ) yang ditadbir oleh Yayasan Terengganu. Berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970), bilangan sampel yang diperlukan dalam kajian ini (jumlah populasi = 1691 orang) adalah seramai 313 orang. Bagi meningkatkan ketepatan penyelidikan maka seramai 457 orang pelajar telah dipilih secara rawak.

Soal selidik telah digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul maklumat kajian. Instrumen tersebut terdiri daripada tiga bahagian: maklumat latar belakang pelajar, soal selidik Strategi Pembelajaran Bahasa Arab (SPBA), dan soal selidik Motivasi Pembelajaran Bahasa Arab. Soal selidik SPBA dibina berdasarkan SILL versi 7.0 (Oxford, 1990) dengan pengubahsuaian dan penambahan konstruk metafizik. Soal selidik Motivasi Pembelajaran Bahasa Arab pula diubah suai daripada sebahagian soal selidik *Affective Survey* (Ehrman & Oxford, 1991). Soal selidik yang dibina telah ditentukan kesahan muka dan kesahan kandungan oleh empat orang pakar. Di samping itu, satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 49 orang pelajar sekolah menengah agama bagi menguji kebolehtadbiran instrumen, mendapatkan kesahan muka, dan menentukan indeks kebolehppercayaan. Secara keseluruhannya, nilai Alfa Cronbach yang diperolehi bagi setiap konstruk adalah di antara julat indeks 0.650 hingga 0.954. Indeks kebolehppercayaan ini adalah tinggi dan boleh diterima pakai (Mohd. Majid, 1990; Sekaran, 1992; McMillan & Schumacher, 2006). Ujian korelasi Pearson digunakan bagi menjawab soalan-soalan kajian ini. Kekuatan perhubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian ini dianggar dengan menggunakan skala kekuatan yang dicadangkan oleh Davies (1971) seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1. Skala Davies (1971) bagi kekuatan korelasi antara dua pemboleh ubah

Nilai Pekali	Tafsiran Deskriptif
0.70 – 1.00	Amat Tinggi
0.50 – 0.69	Tinggi
0.30 – 0.49	Sederhana Tinggi
0.10 – 0.29	Rendah
0.01 – 0.09	Diabaikan

ANALISIS DATA

Ujian korelasi Pearson merupakan analisis yang sesuai bagi menjawab soalan-soalan kajian ini. Sebelum ujian tersebut dapat dijalankan, beberapa andaian yang menjadi prasyarat ujian hendaklah dipenuhi dan disempurnakan (Pallant, 2001; Coakes, 2005; Bryman & Cramer, 2005). Antaranya ialah:


1. Pasangan yang berkait: data pungutan yang menjelaskan skor SPB dan skor motivasi pembelajaran bahasa hendaklah datang dari pelajar yang sama.
2. Skala ukuran: skala ukuran bagi skor SPB dan motivasi adalah skala sela.
3. Kenormalan taburan: skor bagi setiap pemboleh ubah hendaklah bertabur secara normal.
4. Kelinearan: hubungan di antara kedua-dua pemboleh ubah hendaklah linear.
5. Kesamaan varian atau homokedastisiti: Keadaan skor yang berkelompok secara seragam dan sama rata di sekitar garisan regresi.

Syarat pertama dan kedua telah disempurnakan semasa mereka bentuk kajian ini. Syarat ketiga pula dipenuhi dengan melakukan ujian normaliti. Terdapat pelbagai kaedah untuk menguji normaliti bagi taburan data. Antaranya ialah dengan melihat statistik pencongan (*skewness*) dan kutosis (*kurtosis*). Nilai sifar bagi pencongan dan kutosis menunjukkan taburan data adalah 100% normal. Nilai positif bagi pencongan menunjukkan graf memencong positif di mana ekor taburan berkenaan menghala ke kanan. Nilai negatif bagi pencongan pula menunjukkan ia memencong negatif di mana ekor taburan berkenaan menghala ke kiri. Kutosis menunjukkan tinggi atau rendah bentuk taburan. Nilai kutosis yang positif menunjukkan bentuk lengkungan taburan yang tinggi (bentuk Leptokurtik). Nilai kutosis yang negatif pula menunjukkan bentuk lengkungan taburan yang rendah [bentuk Platikurtik] (Coakes, 2005). Jadual 2 menunjukkan bahawa taburan data dianggap normal kerana kedua-dua nilai bagi pencongan dan kutosis adalah kecil.

Syarat keempat dan kelima pula diuji dengan menghasilkan plot taburan reja bagi pemboleh ubah. Graf tersebut menunjukkan pertalian di antara dua pemboleh ubah numerik di mana setiap nilai yang dipaparkan mengandungi kedua-dua nilai pemboleh ubah bersandar dan bebas. Graf *scatterplot* di dalam Rajah 1 menunjukkan hubungan yang linear di antara skor SPB dengan Motivasi

Jadual 2. Ujian normaliti berdasarkan statistik pencongan dan kutosis ($N = 457$)

Pemboleh ubah	Min	Ralat piawai	Pencongan		Kutosis	
			Statistik	Ralat piawai	Statistik	Ralat piawai
Keseluruhan motivasi	3.369	0.026	-0.355	0.114	0.301	0.228
Integratif	3.730	0.030	-0.369	0.114	0.000	0.228
Instrumental	3.459	0.029	-0.176	0.114	0.172	0.228
Usaha guna belajar	2.951	0.031	-0.088	0.114	-0.326	0.228
Keseluruhan SPB	2.232	0.025	0.515	0.114	0.122	0.228
Memori	1.996	0.027	0.560	0.114	-0.070	0.228
Kognitif	2.051	0.028	0.715	0.114	0.193	0.228
Tampungan	2.715	0.042	0.319	0.114	-0.519	0.228
Metakognitif	2.047	0.031	0.735	0.114	0.204	0.228
Afektif	2.388	0.031	0.219	0.114	-0.548	0.228
Sosial	2.079	0.033	0.666	0.114	0.052	0.228
Metafizik	2.671	0.033	0.243	0.114	0.031	0.228



Rajah 1. Hubungan linear di antara skor SPB dan Motivasi Pembelajaran Bahasa

Pembelajaran Bahasa. Skor pemboleh ubah juga didapati berkelompok secara seragam dan sama rata di sekitar garisan regresi. Justeru, syarat kelinearan dan homokedastisiti (kesamaan varian) telah dipenuhi.

Setelah prasyarat ujian Pearson berjaya dipenuhi, maka analisis ujian tersebut boleh dijalankan bagi menguji hipotesis nol pertama dan kedua. Jadual 3 memaparkan keputusan ujian yang mendapati $r = 0.581$ dengan nilai $p < 0.001$.

Ini menunjukkan pernyataan tiada perkaitan signifikan antara keseluruhan penggunaan SPB dengan keseluruhan motivasi pembelajaran bahasa di dalam hipotesis nol pertama ($H_0: 1$) berjaya ditolak. Nilai positif r pula menjelaskan terdapatnya hubungan positif yang signifikan di antara keseluruhan penggunaan SPB dengan Motivasi Pembelajaran Bahasa. Bahkan, nilai kesignifikan yang kurang daripada 0.001 ini menerangkan bahawa kebarangkalian berlakunya korelasi secara tidak sengaja atau secara peluang adalah amat rendah sekali atau mungkin tidak akan berlaku sama sekali. Justeru, bolehlah disimpulkan bahawa terdapat perkaitan signifikan di antara keseluruhan penggunaan SPB dengan keseluruhan Motivasi Pembelajaran Bahasa.

Jadual 3. Korelasi di antara keseluruhan penggunaan SPB dengan keseluruhan Motivasi Pembelajaran Bahasa ($N = 457$)

Hubungan antara pemboleh ubah	r	r^2	Sig.*
Keseluruhan Motivasi Bahasa – Keseluruhan SPB	0.581	0.337	0.000

*Signifikan pada aras 0.05

Nilai pekali korelasi 0.581 menunjukkan tahap korelasi di antara kedua-dua pemboleh ubah secara keseluruhan adalah kuat (Davies, 1971; Cohen, 1988). Varians $r^2 = 0.337$ pula menunjukkan bahawa 33.7% daripada keseluruhan penggunaan SPB disebabkan oleh Motivasi Pembelajaran Bahasa mereka. Manakala 66.3% perubahan lain dalam pemboleh ubah bersandar mungkin disebabkan oleh faktor-faktor lain. Keputusan ini menjelaskan bahawa pelajar yang bermotivasi mempunyai hubungan yang baik dengan tahap penggunaan SPB, di mana pertaliannya adalah kuat dengan $r = 0.581$.

Jadual 4 pula menerangkan matrik koefisien korelasi antara kategori SPB (memori, kognitif, tampungan, metakognitif, afektif, sosial dan metafizik) dengan kategori Motivasi Pembelajaran Bahasa (integratif, instrumental dan usaha guna, dan belajar bahasa). Hasil analisis interkorelasi menunjukkan perhubungan yang kuat di antara kognitif dengan integratif ($r = 0.522$), kognitif dengan usaha guna dan belajar bahasa ($r = 0.539$), metakognitif dengan integratif ($r = 0.579$), metakognitif dengan usaha guna dan belajar bahasa ($r = 0.612$), dan metafizik dengan integratif ($r = 0.514$). Seterusnya, korelasi antara memori dengan integratif ($r = 0.423$), memori dengan usaha guna dan belajar bahasa ($r = 0.442$), tampungan dengan integratif ($r = 0.366$), tampungan dengan usaha guna dan belajar ($r = 0.319$), metakognitif dengan instrumental ($r = 0.319$), afektif dengan integratif ($r = 0.348$), afektif dengan usaha guna dan belajar ($r = 0.362$), sosial dengan integratif ($r = 0.419$), sosial dengan usaha guna dan belajar ($r = 0.477$), metafizik dengan instrumental ($r = 0.330$), dan metafizik dengan usaha guna dan belajar ($r = 0.463$) adalah sederhana tinggi. Manakala korelasi antara memori

Jadual 4. Korelasi di antara penggunaan Kategori SPB dengan Kategori Motivasi Pembelajaran Bahasa ($N = 457$)

	Integratif			Instrumental			Usaha Guna-Belajar		
	r	r^2	Sig.	r	r^2	Sig.	r	r^2	Sig.*
Memori	0.423	0.178	0.000	0.231	0.053	0.000	0.442	0.195	0.000
Kognitif	0.522	0.272	0.000	0.287	0.082	0.000	0.539	0.290	0.000
Tampungan	0.366	0.133	0.000	0.252	0.063	0.000	0.319	0.101	0.000
Metakognitif	0.579	0.335	0.000	0.319	0.101	0.000	0.612	0.374	0.000
Afektif	0.348	0.121	0.000	0.201	0.040	0.000	0.362	0.131	0.000
Sosial	0.419	0.175	0.000	0.238	0.175	0.000	0.477	0.227	0.000
Metafizik	0.514	0.264	0.000	0.330	0.108	0.000	0.463	0.214	0.000
Keseluruhan	0.573	0.328	0.000	0.334	0.111	0.000	0.580	0.336	0.000

*Signifikan pada aras 0.05

dengan instrumental ($r = 0.231$), kognitif dengan instrumental ($r = 0.287$), tampungan dengan instrumental ($r = 0.252$), afektif dengan instrumental ($r = 0.201$), dan sosial dengan instrumental ($r = 0.238$) adalah rendah.

Kesignifikan bagi kesemua korelasi di atas pada $p < 0.001$ membolehkan hipotesis nol kedua ($H_0: 2$) berjaya ditolak. Dengan kata lain, terdapat perkaitan signifikan di antara penggunaan kategori SPB dengan kategori Motivasi Pembelajaran Bahasa. Magnitud pekali korelasi yang positif bagi kesemua perhubungan di atas pula menunjukkan semakin tinggi nilai kategori motivasi pembelajaran maka semakin tinggi nilai kategori strategi pembelajaran.

Bagi mengukuhkan dapatan kajian, nilai tahap motivasi para pelajar telah dikelaskan semula mengikut interpretasi tahap Motivasi Pembelajaran Bahasa yang diperakui oleh kebanyakan penyelidik dan sarjana bidang tersebut. Nilai motivasi 1.0 sehingga 2.49 adalah dianggap sebagai tahap motivasi rendah, nilai 2.5 sehingga 3.49 adalah tahap motivasi sederhana, dan nilai 3.5 sehingga 5.0 adalah tahap motivasi tinggi (Ehrman & Oxford, 1991). Jadual 5 menunjukkan bahawa pelajar bermotivasi tinggi menggunakan lebih strategi secara keseluruhan ($M = 2.520$) berbanding pelajar di tahap motivasi sederhana ($M = 2.058$) dan rendah ($M = 1.658$). Pelajar bermotivasi tinggi juga dilaporkan telah menggunakan strategi metafizik, tampungan, afektif, metakognitif, sosial, kognitif, dan memori lebih kerap dan banyak berbanding pelajar bermotivasi sederhana dan rendah.

Jadual 5. Min dan sisihan piawai penggunaan SPB berdasarkan Tahap Motivasi Bahasa ($N = 457$)

SPB	Tahap Motivasi							
	Tinggi ($n = 195$)		Sederhana ($n = 236$)		Rendah ($n = 26$)		Jumlah ($N = 457$)	
	Min	S.P.	Min	S.P.	Min	S.P.	Min	S.P.
Memori	2.227	0.628	1.866	0.490	1.446	0.391	1.996	0.591
Kognitif	2.343	0.658	1.872	0.456	1.489	0.257	2.051	0.605
Tampungan	2.988	0.942	2.562	0.803	2.057	0.778	2.715	0.901
Metakognitif	2.439	0.681	1.794	0.482	1.397	0.293	2.047	0.667
Afektif	2.579	0.691	2.280	0.621	1.945	0.557	2.388	0.672
Sosial	2.370	0.762	1.887	0.599	1.634	0.457	2.079	0.715
Metafizik	2.993	0.706	2.480	0.621	1.980	0.575	2.671	0.721
Strategi	2.520	0.564	2.058	0.416	1.658	0.264	2.232	0.546

Nota: S.P. = Sisihan Piawai

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Hasil kajian ini menunjukkan terdapat perkaitan signifikan di antara Motivasi Pembelajaran Bahasa dengan SPB sama ada di peringkat kategori mahupun secara keseluruhan. Dapatan ini menyokong teori psikologi sosial yang menyatakan, motivasi adalah merupakan salah satu faktor penting dalam pembelajaran bahasa (MacIntyre, 1994). Ia juga berperanan penting dalam mempengaruhi kekerapan dan jenis SPB yang digunakan (Nyikos & Oxford, 1993).

Tahap korelasi di antara motivasi pembelajaran bahasa dengan strategi pembelajaran bahasa secara keseluruhan adalah kuat ($r = 0.581$). Dapatan ini berbeza dengan kajian Kline (2006) yang mendapati korelasi di antara kedua-dua pemboleh ubah adalah lemah ($r = 0.28$). Namun begitu, hasil kajian ini sejajar dengan beberapa kajian lain. Umpamanya, kajian Okada, Oxford dan Abo (1999) melaporkan nilai pekali korelasi adalah 0.56 untuk pelajar bahasa Jepun dan 0.58 untuk pelajar bahasa Sepanyol. Chou (2002) melaporkan nilai pekali korelasi 0.529, Chang (2003) melaporkan nilai pekali korelasi 0.586, dan Wu (2006) melaporkan nilai pekali korelasi 0.674 di antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

Nilai positif pekali korelasi menunjukkan terdapatnya hubungan positif di antara penggunaan SPB dengan Motivasi Pembelajaran Bahasa. Meskipun nilai positif tersebut tidak membawa maksud hubungan sebab-akibat, namun MacIntyre dan

Noels (1996) telah mengemukakan dua laluan sebab-akibat yang boleh menjelaskan corak korelasi tersebut.

1. Model penggunaan strategi MacIntyre (1994) yang berteraskan psikologi sosial menunjukkan bahawa motivasi adalah merupakan elemen asas dan penting dalam menggalakkan penggunaan pelbagai SPB secara kerap. Pelajar yang bermotivasi tinggi akan menggunakan banyak masa dan berusaha gigih untuk menggunakan SPB. Seterusnya, motivasi pula akan mempertingkatkan tahap penggunaan SPB pelajar.

2. Pelajar yang menyedari tentang kepentingan SPB dan menggunakannya tanpa berhadapan dengan banyak kesukaran akan mempelajari bahasa dengan lebih efektif. Keadaan ini akan menjadikan mereka lebih bermotivasi dalam pembelajaran bahasa. Di samping itu, penggunaan strategi secara kerap dan pelbagai turut menyumbang ke arah proses pembelajaran bahasa yang efektif yang secara langsung mengekal dan mempertingkatkan motivasi pembelajaran bahasa pelajar.

Yang (1999) turut mengemukakan pandangannya tentang kitaran hubungan di antara motivasi pembelajaran bahasa dengan penggunaan SPB. Beliau menjelaskan, tahap motivasi yang tinggi akan membawa kepada penggunaan SPB secara signifikan. Tahap penggunaan SPB yang tinggi pula akan memacu motivasi pembelajaran bahasa ke tahap yang tinggi.

Kajian ini menunjukkan korelasi di antara penggunaan strategi metakognitif dengan kategori motivasi adalah tinggi. Metakognitif yang sering didapati membezakan antara pelajar berjaya dengan pelajar kurang berjaya (Oxford, 1993) adalah lebih rapat hubungannya dengan motivasi. Ini disebabkan pelajar yang berkecenderungan tinggi untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran akan sentiasa merancang, menyusun dan menilai pembelajaran mereka sendiri secara aktif. Begitu juga dengan strategi kognitif dan metafizik yang didapati mempunyai korelasi yang kuat dengan beberapa kategori motivasi. Ini menunjukkan lebih tinggi tahap motivasi pelajar maka lebih banyak mereka menggunakan strategi kognitif dan metafizik.

Kesimpulannya, korelasi di antara penggunaan SPB dengan tahap Motivasi Pembelajaran Bahasa dalam kalangan pelajar bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah agama Terengganu adalah signifikan. Magnitud pekali korelasi yang positif sama ada di peringkat kategori mahupun secara keseluruhan menunjukkan bahawa tahap penggunaan SPB mempunyai perhubungan positif dengan tahap Motivasi Pembelajaran Bahasa Arab.

IMPLIKASI

Korelasi positif dan hubungan linear yang terdapat antara motivasi pembelajaran bahasa dengan penggunaan SPB telah menguatkan keterangan mengenai peranan teori kognitif sosial sebagai salah satu paksi teori SPB (Chamot et al., 1999). Dapatan ini juga telah mengukuhkan teori psikologi sosial (MacIntyre, 1994) dan teori sosiopembelajaran (Gardner, 1985) yang melihat motivasi sebagai salah satu faktor utama dalam pembelajaran bahasa dan penggunaan SPB. Teori-teori tersebut berkeyakinan bahawa motivasi merupakan elemen asas dan penting bagi menggalakkan penggunaan pelbagai SPB secara kerap. Dengan kata lain, pelajar yang bermotivasi tinggi akan kerap menggunakan SPB berbanding pelajar bermotivasi rendah.

Bertolak daripada itu, hasil kajian ini membawa kepada beberapa implikasi pedagogi. Antaranya, pelajar bahasa perlu dibimbing supaya menyedari tentang proses pembelajaran dan strategi-strategi pembelajaran yang digunakan oleh mereka. Guru tidak harus berperanan sebagai penyampai maklumat semata-mata. Mereka perlu bertindak sebagai pembimbing dan penyelia pelajar. Guru hendaklah membantu pelajar meneroka strategi pembelajaran yang kurang digunakan tetapi terbukti sangat berguna lagi berkesan. Mereka juga perlu membina dan mempertingkatkan motivasi pembelajaran bahasa pelajar agar minat mereka untuk mempelajari dan menggunakan bahasa Arab meningkat dari semasa ke semasa. Sekali gus, ia mempertingkatkan tahap penggunaan SPB dalam kalangan bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah agama. Pihak sekolah juga hendaklah menyediakan suasana pembelajaran bahasa yang diperkayakan dengan lebih banyak sumber dan peluang bagi pelajar untuk belajar, berlatih dan menggunakan bahasa Arab. Suasana pembelajaran seumpama ini dijangka dapat memupuk dan mempertingkatkan tahap motivasi serta penggunaan strategi pembelajaran bahasa pelajar. Perkara ini perlu diambil perhatian serius kerana latar pembelajaran bahasa Arab di Malaysia tidak memberi peluang yang mencukupi bagi pelajar menggunakan bahasa tersebut.

RUJUKAN

- Bryman, A. dan Cramer, D. (2005). *Quantitative data analysis with SPSS 12 and 13*. London: Routledge.
- Chamot, A. U. (1993). Student responses to learning strategy instruction in the foreign language classroom. *Foreign Language Annals*, 26, 308–321.
- Chamot, A. U., Barnhardt, S., El-Dinary, P. B. dan Robbins, J. (1999). *The learning strategies handbook*. New York: Pearson Education.

- Chang, C-Y. (2003). *The effects of language learning motivation on the use of language learning strategies among EFL learners at technological universities and colleges in Taiwan*. Disertasi PhD, Spalding University.
- Chou, Y. (2002). *An exploratory study of language learning strategies and the relationship of these strategies to motivation and language proficiency among EFL Taiwanese technological and vocational college students*. Disertasi PhD, University of Iowa.
- Coakes, S. J. (2005). *SPSS Version 12.0 for Windows analysis without anguish*. Australia: National Library of Australia.
- Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Davies, J. A. (1971). *Elementary survey analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Dornyei, Z. (1990). Conceptualizing motivation in foreign-language learning. *Language Learning*, 40, 45–78.
- Dreyer, C. dan Oxford, R. L. (1996). Learning strategies and other predictors of ESL proficiency among Afrikaans in South Africa. Dalam Oxford R. L. (ed.). *Language learning strategies around the world: cross-cultural perspectives*. Honolulu: Second Language Teaching & Curriculum Center, University of Hawaii, 61–74.
- Ehrman, M. E. (1990). The role of personality type in adult language learning: An on going investigation. Dalam S. T. Parry dan C. W. Stansfield (ed.). *Language aptitude reconsidered*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Ehrman, M. E. dan Oxford, R. L. (1991). *Affective survey*. Arlington, VA: Foreign Service Institute.
- Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Gardner, R. C. (1985). *Social psychological aspects of language learning: The role of attitudes and motivation*. London: Edward Arnold.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi dan Zamri Mahamod. (2008). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa berdasarkan tahap pencapaian Bahasa Arab Komunikasi. *Proceedings of 3rd International Language Learning Conference*, 209–222.
- Kline, M. W. (2006). *The relationship between motivational variables, anxiety, exposure to English, and language learning strategies among adult ESL learners*. Disertasi PhD, University of Southern California.

- Krejcie, R. V. dan Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Macaro, E. (2001). *Learning strategies in foreign and second language classrooms*. London and New York: Continuum.
- MacIntyre, P. D. (1994). Toward a social psychological model of strategy use. *Foreign Language Annals*, 27(2), 185–195.
- MacIntyre, P. D. dan Noels, K. A. (1996). Using social-psychological variables to predict the use of language learning strategies. *Foreign Language Annals*, 29(3), 373–386.
- McLaughlin, B. (1987). *Theories of second language learning*. London: Edward Arnold.
- McMillan, J. dan Schumacher, S. (2006). *Research in education: Evidence-based inquiry*. Boston: Pearson Education.
- Mohamed Amin Embi. (2000). *Language learning strategies: A Malaysian context*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasimah Hj Abdullah. (2006). Permasalahan dalam pembelajaran bagi pelajar Diploma Pengajian Islam (Bahasa Arab) di KUIS dan cara mengatasinya. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 5*, 199–208.
- Nunan, D. (1999). *Second language teaching and learning*. Massachusetts: Heinle & Heinle Publishers.
- Nyikos, M. dan Oxford, R. L. (1993). A factor analytic study of language learning strategy use: Interpretations from information-processing theory and social psychology. *Modern Language Journal*, 77, 11–22.
- O'Malley, J. M., Chamot, A. U., Stewner-Manzanares, G., Kupper, L. dan Russo, R. P. (1985). Learning strategies used by beginning and intermediate ESL students. *Language Learning*, 35(1), 21–46.
- Okada, M., Oxford, R. L. dan Abo, S. (1999). Not all like: Motivation and learning strategies among students of Japanese and Spanish in an exploratory study. Dalam R. L. Oxford (ed.). *Language learning motivation: pathways to the new century*. Ed. ke-2, Honolulu: University of Hawaii, 105–120.
- Oxford, R. L. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. New York: Newbury House.

- _____. (1993). Research on second language learning strategies. *Annual Review of Applied Linguistics*, 13, 175–187.
- _____. (2001). Language learning styles and strategies. Dalam M. Celce Murcia (ed.). *Teaching english as a second language*, Boston: Heinle & Heinle Publisher.
- Oxford, R. L. dan Burry-Stock, J.A. (1995). Assessing the use of language learning strategies worldwide with the ESL/EFL version of the Strategy Inventory for Language Learning (SILL), *System*, 23(1), 1–23.
- Oxford, R. L. dan Nyikos, M. (1989). Variables affecting choice of language learning strategies by university students. *Modern Language Journal*, 73(3), 291–300.
- Pallant, J. (2001). *SPSS survival manual*. NSW: Allen & Unwin.
- Rigney, J. W. (1978). Learning strategies: A theoretical perspective. Dalam H. F. O’Neil, Jr. (ed.). *Learning strategies*. New York: Academic Press, 164–205.
- Saupi Man. (2003). Tuntutan-tuntutan asas pengajaran bahasa Arab Komunikasi di luar Negara Arab. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3*, 263–275.
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business: A skalal building approach*. Ed. ke-2. New York: John Wiley & Sons.
- Stern, H. H. (1983). *Fundamental concepts of language teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Tarone, E. (1980). Communicative strategies, foreign talk, and repair in interlanguage. *Language Learning*, 30(2), 417–431.
- Vann, R. J. dan Abraham, R. G. (1990). Strategies of unsuccessful language learners. *TESOL Quarterly*, 24(2), 177–198.
- Wan Abrisam Wan Ahmad. (2002). *Tinjauan sikap pelajar terhadap BAK di sekolah-sekolah daerah Machang, Kelantan*. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wu, J-H. (2006). *Significant factors in college students’ motivation and learning strategies in English courses in Taiwan*. Disertasi PhD, University of the Incarnate Word.
- Yang, N. D. (1999). The relationship between EFL learners belief and learning strategy use. *System*, 27, 515–535.